



## SIARAN AKHBAR

### **PENJELASAN MENGENAI PENGUATKUASAAN ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (KOMPOSISI KESALAHAN), 2016**

Jabatan Pengangkutan Darat dan Pasukan Polis Diraja Brunei sukacita memaklumkan mengenai perubahan tatacara pengendalian kesalahan-kesalahan yang melanggar Akta dan Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (*Road Traffic Act and Rules*) yang dikeluarkan baru-baru ini, khususnya yang disenaraikan di bawah Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan), 2016 yang mana kesalahan-kesalahan yang melanggar peraturan-peraturan tersebut tidak lagi dibawa ke Mahkamah dan kini menjadi kesalahan yang boleh dikompaun atau *compoundable offences*. Perubahan ini semata-mata bertujuan untuk memudahcara dan mengurangkan kes-kes saman yang dibawa ke mahkamah, selaras dengan inisiatif *Ease of Doing Business- Alternatives to Court*.

Jabatan Pengangkutan Darat dan Pasukan Polis Diraja Brunei juga sukacita menjelaskan bahawa kadar denda kompaun bagi kesalahan pertama melanggar Akta dan Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya yang dikenakan ialah antara \$50 hingga \$200 mengikut jenis-jenis kesalahannya. Bagi kesalahan kedua dan kesalahan berikutnya, iaitu atas kesalahan yang sama, denda yang lebih tinggi akan dikenakan. Kadar denda maksimum kompaun bagi kesalahan berulang-ulang tidak akan melebihi \$500, sebelum kes kesalahan tersebut dibawa ke Mahkamah.

Maklumat lanjut mengenai dengan kesalahan-kesalahan tersebut dan kadar-kadarnya boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Pengangkutan Darat [www.mincom.gov.bn/ltd](http://www.mincom.gov.bn/ltd) dan Pasukan Polis Diraja Brunei [www.polis.gov.bn](http://www.polis.gov.bn).

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan & Pasukan Polis Diraja  
Brunei, Jabatan Perdana Menteri**